

MAHATHIR-JAMBATAN

1982

PULAU PINANG, 12 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI ADALAH SUKAR BAGI KERAJAAN PUSAT UNTUK BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN NEGERI YANG TIDAK SECOCOK DALAM MELAKSANA SERTA MENINGKATKAN PRESTASI PEMBANGUNAN.

KATANYA SUNGGUHPUN ADA PEMBAHAGIAN KUASA ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT, TANPA KERJASAMA ANTARA MEREKA PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN AKAN TERJEJAS.

PENGAGIHAN BANTUAN PEMBANGUNAN KEPADA KERAJAAN NEGERI BUKAN SAHAJA SOAL KEADILAN TETAPI JUGA MELIBATKAN SOAL KERJASAMA BAGI MENENTUKAN WANG YANG DIPERUNTUKKAN BENAR-BENAR MEMBERI FAEDAH KEPADA SELURUH RAKYAT DAN NEGARA, TEGAS BELIAU.

BELIAU MENYANGKAL ANGGAPAN YANG MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT TETAP AKAN MEMBERI BANTUAN KEWANGAN WALAUPUN TIDAK ADA KERJASAM DARI PIHAK KERAJAAN NEGERI.

KATANYA DENGAN PERBUAT DEMIKIAN IA HANYA AKAN MENGUNTINGKAN DIRI MEREKA SAHAJA DAN BUKAN RAKYAT SELURUHNYA, KANYA KETIKA MERASMIKAN KERJA MENANAM CERUCUK PROJEK JAMBATAN PULAU PINANG DI SINI --BERSAMBUNG 1221/AN

MAHATHIR-JAMBATAN 2 PULAU PINANG

YANG PENTING, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH PENTADBIRAN YANG BAIK. WALAUPUN ADA PEMBAHAGIAN KUASA, INI TIDAK BERERTI BAHAWA KERAJAAN NEGERI TIDAK PERLU MEMBERI KERJASAMA DALAM MENYEMPURNAKAN HASRAT KERAJAAN PUSAT BAGI MEMBERIKAN KEMAJUAN YANG SAMA BAGI SEMUA RAKYAT.

BELIAU BERHARAP JAMBATAN PULAU PINANG AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI KEMAJUAN DI NEGERI INI SERTA MENERATKAN PERHUBUNGAN ANTARA TANAH BESAR SEBERANG PERAI DENGAN PULAU PINANG SECARA FIZIKAL DAN JUGA SOSIAL.

USAHA SECARA BERKESAN MENURUT BELIAU TELAH DAPAT DIJALANKAN DENGAN MEMPRAKTIKKAN +ANGGAN-ANGAN+ UNTUK MEMBINA JAMBATAN PULAU PINANG YANG BERTERANGA \$1,000 JUTA INI MENJADI KENYATAAN YANG DIJANGKA AKAN SIAP AWAL 1985.

PARA PENDUDUK DARI TANAH BESAR DAN PULAU PINANG HENDAKLAH MENERIMA PEMBANGUNAN SECARA TERBUKA DAN TANPA TERAGAK-AGAK KERANA PEMBINAAN JAMBATAN INI AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT, TEGAS BELIAU.

--BERSAMBUNG 1251/AN

MAHATHIR-JAMBATAN 3 PULAU PINANG

BELIAU JUGA MENYARANKAN PERLUNYA DITINGKATKAN MUTU KEMUDAHAN-KEMUDAHAN JALANRAYA SERTA PEMBESARAN JALAN-JALANRAYA BERIKUTAN DENGAN PERTAMBAHAN KENDERAAN YANG MENINGKAT 27 PERATUS SETIAP TAHUN DI NEGARA INI.

KATANYA BAGI JALAN-JALAN YANG ADA SEKARANG, ADALAH DIHARAP BAHAWA SEKURANG-KURANGNYA DIADAKAN DUA LORONG BAGI SATU BATANG JALAN BAGI MEMPERCEPATKAN PENGALIRAN LALULINTAS.

USAHA YANG PALING BARU DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG IALAH SISTEM LALULINTAS EMPAT LORONG BAGI SATU BATANG JALAN DARI CHANGKAT JERING DARI UTARA SEHINGGA JOHOR DI SELATAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBINAAN JAMBATAN ITU MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT BUKAAN SAHAJA DARI SEGI PEKERJAAN, BAHKAN JUGA PENGALAMAN SERTA PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEMBINAAN MODEN DARI PAKAR LUAR NEGERI.

KATANYA PENGETAHUAN SERTA PENGALAMAN INI AKAN MENAMBAHKAN KEMAHIRAN SERTA KEBOLEHAN PAKAR-PAKAR TEMPATAN DALAM MENGUSAHAKAN SENDIRI PEMBINAAN JAMBATAN-JAMBATAN DENGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN DI NEGARA INI SERTA MENCAPAI TARAF YANG SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LUAR.

--BERSAMBUNG 1255/AN

#### MAHATHIR-JAMBATAN 4 PULAU PINANG

SYARIKAT HYUNDAI ENGINEERING AND CONSTRUCTION SENDIRIAN BERHAD DARI KOREA SELATAN, YANG DIBERI MONTREK JUGA TELAH BERSETUJU UNTUK MEMBERI LATIHAN DAN PENGALAMAN KEPADA PIHAK KERAJAAN MALAYSIA.

INI, MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MERUPAKAN +BONUS+ YANG DAPAT DITERIMA OLEH RAKYAT DI NEGARA INI BERIKUTAN PEMBINAAN JAMBATAN ITU.

SEHINGGA INI KATANYA, KERJA-KERJA PEMBINAAN JAMBATAN ITU BERJALAN MENURUT JADUALNYA DAN PIHAK LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA BERAZAM UNTUK MENYIAPKANNYA MENURUT JANGKAAN.

PROJEK ITU DIBAHAGIKAN KEPADA SEMBILAN BAHAGIAN IAITU KONTRAK PERTAMA, KERJA MEMULIHGUNA TANAH BAGI PERSIMPANGAN PULAU PINANG; KEDUA KERJA MEMULIHGUNA TANAH DI PERAI;

BAHAGIAN KONTRAK KETIGA, KEEMPAT DAN KELIMA DILAKSANAKAN OLEH TETUAN +HYUNDAI ENGINEERING AND CONSTRUCTION SENDIRIAN BERHAD+ MULAI 1 JANUARI TAHUN INI DAN DIJADUAL AKAN SIAP 24 JANUARI TAHUN 1985. -- BERSAMBUNG 1327/AZ

#### MAHATHIR-JAMBATAN 5 PULAU PINANG

TIGA BAHAGIAN KONTRAK ITU MELIPUTI PEMBINAAN PERSIMPANGAN PULAU PINANG DIATAS 40.5 HEKTAR TANAH YANG DITIMBUN DALAM BAHAGIAN KONTRAK SATU DAN 8.4 KILOMETER JAMBATAN YANG MENGHUBUNGKAN PULAU PINANG DAN TANAH BESAR SEMENANJUNG.

KERJA UKUR TANAH, MENGADAKAN ALAT-ALAT JENTERA DAN TENAGA PEKERJA SEDANG DIUSAHAKAN, TAMBAH BELIAU.

BAHAGIAN KONTRAK KE NEMA TERLETAK DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PERAI DAN BAHAGIAN KONTRAK KETUJUH DI BATU 4-1/2 JALAN BUTTERWORTH - IPOH DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN ALIRAN SATU.

KEDUA-DUA PERSIMPANGAN ADALAH SEBAHAGIAN DARI LEBUHRAYA TOL UTARA-SELATAN YANG DICADANGKAN. TAWARAN BAGI KEDUA-DUA BAHAGIAN KONTRAK ITU TELAH DIJEMPUT PADA 20 JANUARI DAN AKAN DITUTUP 21 APRIL.

MENURUT BELIAU KERJA REKA BENTUK SEDANG DIJALANKAN DAN TAWARAN AKAN DIJEMPUT PADA BULAN OGOS TAHUN INI BAGI BAHAGIAN KONTRAK KE LAPAN IAITU MEMBINA KOMPLEKS PLAZA TOL DAN PADA BULAN JANUARI TAHUN DEPAN BAGI BAHAGIAN KONTRAK KE SEMBILAN IAITU PEMASANGAN LAMPU DAN KERJA YANG BERSANGKUTAN.

KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU MENEGASKAN BAHASA KERJA -KERJA YANG BESAR SEPERTI JAMBATAN PULAU PINANG INI MEMBUKTIKAN KERJASAMA RAPAT YANG ADA ANTARA KERAJAAN NEGERI DENGAN KERAJAAN PUSAT.

JAMBATAN INI BOLEH DIANGGAP SEBAGAI SATU SIMBOL FIZIKAL YANG MENCERMINKAN PERTALIAN RAPAT ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT, TEGAS BELIAU. --BERSAMBUNG 1404/AN

## MAHATHIR-JAMBATAN 6 PULAU PINANG

MENURUT BELIAU KERAJAAN NEGERI SEDANG BERUNDING DENGAN PIHAK-PIHAK BERKUASA DI PERINGKAT KERAJAAN PUSAT UNTUK MEMULAKAN RANCANGAN PERUMAHAN ISTIMEWA DI BATU MAUNG DI JURU.

INI TERMASUK RANCANGAN PERUMAHAN PERALIHAN UNTUK MENAMBAHKAN JUMLAH PERUMAHAN YANG ADA SEKARANG DARI 260 UNIT KEPADA HAMPPIR 1,000 UNIT RUMAH DI SUNGAI NIBONG BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN PENDUDUK-PENDUDUK YANG DIJANGKAKAN AKAN TERLIBAT DENGAN PEMBINAAN JAMBATAN INI.

DR. LIM, JUGA MEMBERI JAMINAN KEPADA SEMUA MEREKA YANG TINGGAL DI KAWASAN PESISIRAN PANTAI JEREJAK, KHASNYA PEMBINA-PEMBINA BOT BAHAWA MEREKA AKAN DIBERI TAPAK-TAPAK GANTI YANG TETAP YANG BOLEH MENJAMINKAN PENGHIDUPAN MEREKA.

BAGAIMANAPUN UNTUK MENJAYAKAN SEGALA PENYEDIAAN SOSIAL BAGI MEMENUHI KESAN YANG HEBAT DARI PROJEK INI, RAKYAT MESTILAH TERUS MENYOKONG DAN BEKERJASAMA RAPAT DENGAN KERAJAAN, KATANYA.

LEBIH KURANG 3,000 ORANG MENYAMBUK KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DI UPACARA PERASMIAN MENAMAM CERUCUK ITU DI GELUGOR DISINI.

TURUT HADIR IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG, ENCIK ZAINOL MAHMOOD DAN ISTERI, SERTA ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA 1405/LK